

13 JUL 2000

Parlimen-BPR

DR MAHATHIR TAK PERNAH ARAH BPR HENTI SIASAT BEKAS KP EPU

KUALA LUMPUR, 13 Julai (Bernama) -- Persidangan Dewan Rakyat hari ini diberitahu bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak pernah mengarahkan Badan Pencegah Rasuah menghentikan atau menutup siasatan terhadap bekas Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas berkata siasatan terhadap Ali Abu Hassan diteruskan semasa Datuk Ahmad Zaki Husin menjadi Ketua Pengarah BPR yang baru dan ini menunjukkan bahawa kes itu tidak pernah ditutup.

"Tuduhan YB bahawa ada penyalahgunaan kuasa dan usaha melindungi rasuah serta menghalang perjalanan proses keadilan adalah tidak bertanggungjawab serta melulu," katanya ketika menjawab ucapan penangguhan Abdul Rahman Yusof (Keadilan-Kemaman).

Abdul Rahman dalam ucapannya meminta penjelasan kenapa BPR tidak meneruskan penyiasatan atau pendakwaan terhadap Ali Abul Hassan yang, katanya, terbukti melakukan rasuah.

"Apakah pihak BPR atau polis atau pendakwa raya akan mendakwa Perdana Menteri yang mengarahkan penyiasatan BPR terhadap Tan Sri Ali Abul Hassan ditutup," katanya.

Beliau turut mempersoalkan kenapa kenyataan bersumpah bekas Ketua Pengarah BPR Datuk Shafie Yahaya pada perbicaraan liwat bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak dicabar oleh pihak pendakwa.

Uggah juga berkata beberapa pihak telahpun membuat aduan polis mengenai keterangan yang ditimbulkan oleh Shafie itu dan pihak polis masih menjalankan siasatan mengenainya.

"Oleh itu sebarang perbincangan berhubung dengan perkara ini akan menjadi sabjudis," katanya.

Beliau berkata kebebasan BPR dalam menjalankan tugas dan siasatan tidak pernah terjejas akibat teguran, kritikan dan nasihat mana-mana pihak termasuk oleh Perdana Menteri sendiri.

Katanya Perdana Menteri telah mengingatkan BPR agar berhati-hati dan bertindak secara profesional kerana penyiasatan oleh badan itu adalah sensitif dan isu rasuah boleh dipolitikkan oleh sesetengah pihak yang mempunyai agenda tertentu.

Persidangan disambung esok.

-- BERNAMA

NZ MAI